

11 JUL 1996

Mahathir-Hakim

LETAK JAWATAN SATU HUKUMAN BAGI HAKIM, KATA PM

MELAKA, 11 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perletakan jawatan sudah memadai sebagai satu bentuk hukuman bagi seorang hakim yang mengaku bertanggungjawab menulis surat layang yang menuduh berlaku penyelewengan dalam Badan Kehakiman.

"Saya fikir memandangkan kepada kesalahan yang dibuat...memadai kalau hanya dia berhenti dan letak jawatan," kata Perdana Menteri apabila diminta mengulas pengumuman Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah bahawa tindakan pendakwaan tidak akan diambil terhadap hakim berkenaan.

Ketika bercakap pada persidangan berita selepas menghadiri mesyuarat ke-173 Majlis Raja-Raja di sini, Dr Mahathir berkata; "Perletakan jawatan bagi seorang hakim merupakan satu tindakan yang amat berat dan mungkin mempunyai kesan pada masa depan (hakim itu)."

Selasa lepas, ketika mengumumkan bahawa penyiasatan mengenai surat layang itu menunjukkan tuduhan-tuduhan yang terkandung di dalamnya tidak benar dan tidak berasas sama-sekali, Mohtar berkata seorang Hakim Mahkamah Tinggi, yang sudah meletak jawatan, mengaku bertanggungjawab terhadap surat layang itu.

Mohtar tidak menyebut nama hakim itu tetapi berkata tidak ada tindakan lanjut akan diambil terhadap hakim berkenaan.

Dr Mahathir juga berkata tidak perlu dibentuk sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Diraja seperti yang didesak oleh Majlis Peguam bagi menyiasat Badan Kehakiman ekoran kontroversi berkenaan.

"Kita telah menjalankan penyiasatan...tidak perlu lagi Suruhanjaya Penyiasatan...tak perlu dah," katanya.

Semalam Pengerusi Majlis Peguam, Hendon Mohamed berkata sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Diraja perlu dibentuk bagi memulihkan semula imej Badan Kehakiman ekoran insiden surat layang itu.

Mengenai permintaan majlis itu supaya sebuah Suruhanjaya Kehakiman ditubuhkan bagi urusan melantik hakim, Dr Mahathir berkata sistem yang sedia ada sudah memadai.

"Kita tak perlu menukar sistem yang sedia ada...(sistem itu) sudah cukup memadai. Kalau ada sistem lain pun, kalau nak berlaku salah guna (kuasa), ia berlaku juga," katanya.

Katanya, di negara lain umpamanya hakim dipilih oleh Presiden.

Ketika ditanya mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam surat layang itu, Perdana Menteri berkata penyiasatan sudah dijalankan mengenainya dan ia didapati tidak mempunyai asas.

Surat layang setebal 33 muka surat itu mengandungi sebanyak 112 tuduhan terhadap 12 orang hakim termasuk Ketua Hakim Negara, Tan Sri Eusoff Chin. Tiga puluh sembilan daripada tuduhan itu ialah bersabit rasuah, 21 berkaitan penyalahgunaan kuasa dan 52 berkaitan salah laku, tidak bermoral dan kecaman peribadi. -- BERNAMA

MOZ NMO